

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**


**TUAN TAN KOK WAI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak jenis varian COVID-19 ditemui di Malaysia dan berapa angka kematian dalam setiap kumpulan umur untuk setiap jenis varian setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 21 September 2021, jenis-jenis varian yang telah dikesan di Malaysia boleh dibahagikan kepada jenis *variant of concern (VOC)* dan *variant of interest (VOI)*.
2. Jenis-jenis VOC yang telah dikesan adalah Alpha (B.1.1.7), Beta (B.1.351) dan Delta (B.1.617.2) manakala jenis-jenis VOI yang telah dikesan adalah Eta (B.1.525), Kappa (B.1.617.1) dan Theta (P.3). Walaubagaimana pun WHO telah mengeluarkan VOI Theta (P.3) dari senarai VOI pada Julai 2021. Manakala VOI Eta (B.1.525) dan Kappa (B.1.617.1) telah dipindahkan dari senarai VOI ke senarai VUM (*variant under monitoring*, yang bermaksud risiko yang lebih rendah) mulai September 2021.
3. Bilangan angka kematian setiap kumpulan umur untuk setiap jenis varian setakat ini telah diringkaskan dalam rajah 1.

Rajah 1: Pecahan kes kematian mengikut umur dan varian. VOC Delta menyebabkan kematian tertinggi bagi empat peringkat umur iaitu 21-40 tahun, 41-50 tahun, 61-70 tahun dan 70 tahun keatas.



**SOALAN NO : 57**

4. Bilangan angka kematian setiap kumpulan umur untuk setiap jenis varian adalah:
- i. Bagi kumpulan umur 0-10 tahun, kes kematian daripada VOC Beta adalah 1 kes dan bukan VOC adalah 2 kes.
  - ii. Bagi kumpulan umur 21-40 tahun, kes kematian daripada VOC Delta adalah 15 kes, VOC Beta adalah 2 kes dan bukan VOC adalah 3 kes.
  - iii. Bagi kumpulan umur 41-50 tahun, kes kematian daripada VOC Delta adalah 10 kes, VOC Beta adalah 1 kes dan bukan VOC adalah 2 kes.
  - iv. Bagi kumpulan umur 51-60 tahun, kes kematian daripada VOC Delta adalah 5 kes, VOC Beta adalah 2 kes dan bukan VOC adalah 6 kes.
  - v. Bagi kumpulan umur 61-70 tahun, kes kematian daripada VOC Delta adalah 7 kes, dan bukan VOC adalah 5 kes.
  - vi. Bagi kumpulan umur melebihi 70 tahun, kes kematian daripada VOC Delta adalah 13 kes, VOC Beta adalah 1 kes dan bukan VOC adalah 5 kes.

Sekian, terima kasih.